Experts

Umpan Marah: Senjata Murah Menguasai Media Sosial Malaysia

Mon, 12/22/2025 - 15:51

Umpan marah atau *rage bait* semakin menjadi strategi paling mudah dan paling murah untuk menguasai perhatian pengguna media sosial di Malaysia. Ia merujuk kepada kandungan yang sengaja direka untuk menimbulkan emosi negatif seperti kemarahan, kebencian dan rasa tidak puas hati. Tujuannya bukan untuk membuka perbincangan sihat tetapi untuk menghasilkan reaksi berterusan yang akhirnya meningkatkan capaian kandungan.

Fenomena ini semakin kuat kerana algoritma platform seperti TikTok, Instagram, Facebook dan X memberi keutamaan kepada kandungan yang mendapat komen, perkongsian dan tontonan berulang. Lebih ramai yang naik angin, lebih tinggilah peluang sesuatu *posting* mendapat jangkauan luas. Bagi pencipta kandungan yang mengejar pengaruh dan angka, umpan marah ialah senjata yang sangat berkesan kerana kosnya hampir sifar.

Dalam konteks Malaysia, contoh umpan marah muncul setiap hari. Ia biasanya datang dalam bentuk generalisasi melampau tentang kaum, agama, negeri atau politik, contohnya tuduhan tentang orang KL, orang Sabah, pemandu Grab, penyokong parti politik tertentu atau mana-mana kelompok yang dianggap mudah diserang. Posting seperti ini cepat memecahkan ruang komen kepada dua pihak yang berlawanan, dan perbalahan pun bermula.

Beberapa faktor menjadikan masyarakat Malaysia sangat terdedah kepada umpan marah. Polarisasi politik yang bermula sejak PRU-14 masih meninggalkan kesan mendalam. Sensitiviti terhadap isu kaum dan agama juga menjadikan masyarakat cepat tersentuh. Di samping itu, budaya tidak mahu kalah dan keinginan menunjukkan pendirian di ruang terbuka mendorong orang ramai untuk memberi komen tanpa berfikir panjang. Literasi media yang masih rendah turut menyumbang kerana ramai pengguna percaya apa sahaja yang tular tanpa menyemak sumber asal.

Pelaku umpan marah datang daripada pelbagai kategori. Ada yang terdiri daripada *cybertrooper* yang dibayar untuk mempromosikan naratif politik tertentu. Ada *influencer* yang mengejar tontonan dan hadiah di platform siaran langsung. Terdapat juga akaun berita alternatif yang mengharapkan trafik tinggi untuk menjana pendapatan. Tidak kurang individu biasa yang sekadar menikmati lonjakan notifikasi apabila komen mula membanjiri *posting* mereka.

Kesan umpan marah tidak kecil. Ia mempengaruhi hubungan dalam keluarga, kejiranan dan komuniti. Pertikaian kecil boleh membawa kepada permusuhan jangka panjang. Banyak kumpulan *WhatsApp* keluarga berpecah kerana perbalahan politik manakala hubungan antara generasi menjadi tegang akibat perbezaan pandangan agama atau sosial. Semua ini berlaku hanya kerana kandungan yang sengaja direka untuk menimbulkan provokasi.

Untuk melawan fenomena umpan marah, langkah paling mudah adalah dengan mengenal pasti ciri-cirinya. Antara petanda termasuk generalisasi yang tidak masuk akal, tajuk sensasi, video atau

gambar yang dipotong konteks dan naratif hitam putih tanpa maklumat lengkap. Jika kandungan mempunyai ciri ini, besar kemungkinan ia dicipta untuk mencetuskan reaksi.

Satu strategi ringkas yang boleh diamalkan ialah peraturan sepuluh saat. Sebelum membalas komen atau berkongsi posting yang menimbulkan kemarahan, berhenti seketika dan tanya diri sama ada pencipta kandungan benar-benar mahu berbincang atau hanya mahu mencetuskan kemarahan. Dalam kebanyakan situasi, tujuan utamanya ialah reaksi bukan perbincangan.

Selain itu, penggunaan fungsi *mute, block, restrict* atau *see less* boleh membantu mengurangkan pendedahan kepada kandungan provokatif. Tindakan ini bukan tanda kalah. Ia sekadar menghalang algoritma daripada mengekalkan kandungan toksik dalam ruang digital seseorang. Membiasakan diri memeriksa sumber asal juga penting kerana banyak video lama atau dari negara lain dimanipulasi semula dengan kapsyen baharu untuk menimbulkan provokasi.

Akhirnya, keupayaan untuk tidak memberi reaksi ialah bentuk kekuatan yang perlu dibina oleh pengguna media sosial di Malaysia. Umpan marah akan terus muncul selagi algoritma memberi ganjaran kepada kandungan beremosi tinggi. Namun, apabila semakin ramai memilih untuk tidak melayan provokasi, senjata ini akan semakin tumpul.

Setiap kali melihat kandungan yang sengaja menimbulkan kemarahan, tarik nafas dan teruskan menatal atau *scroll.* Tindakan kecil ini boleh membantu menjadikan ruang digital lebih sihat dan dalam masa yang sama menjaga kesejahteraan emosi kita sendiri.



Oleh: Ahmad Ibrahim
E-mel: ahmadbi@umpsa.edu.my

Penulis adalah Pensyarah, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 110 views

View PDF